

Kelewatan MRT, UDA perlu demi agenda Bumiputera, kata Teraju
The Malaysian Insider
22 Ogos 2011
Oleh Shannon Teoh

KUALA LUMPUR, 22 Ogos — Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju), agensi di Jabatan Perdana Menteri, menekankan agar urusan berkaitan dengan dua projek pembinaan dilewatkan buat sementara bagi memastikan kepentingan agenda Bumiputera dipertahankan.

Unit itu berkata kriteria-kriteria prakelayakan menyertai kerja-kerja pembinaan projek Transit Rapid Massa (MRT), dianggarkan RM50 bilion dan syarat penjualan tanah perdana di ibu negara yang bernilai lebih RM2 bilion oleh UDA Holdings dibuat bagi memastikan "pertumbuhan bersama ekuiti."

"Lebih baik lewat daripada kata minta maaf (kemudian). Selepas anda mengeluarkan kontrak, bagaimana anda hendak berundur?" kata Ketua Eksekutif Teraju Husni Salleh (gambar) kepada The Malaysian Insider.

Kerajaan telah melonggarkan kriteria prakelayakan bagi projek MRT antaranya membenarkan penyertaan syarikat perkongsian ekoran bantahan daripada Perkasa dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia.

Sebuah syarikat baru, MRT Co telah ditubuhkan minggu lalu untuk mengambil alih peranan Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana) dan langkah itu dilihat akan memudahkan urusan perolehan membabitkan kalangan usahawan Bumiputera, kata penganalisis.

Penjualan kawasan seluas 3.6 ekar di Jalan Sultan Ismail oleh UDA — satu agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi kawasan bandar telah ditolak oleh Kementerian Kewangan selepas pembelinya Ndayu Properties, 54 peratus dimiliki oleh Bumiputera, dilihat tidak cukup Bumiputera.

Sebelum ini, The Malaysian Insider juga ada melaporkan bahawa urusan perkongsian RM2 bilion untuk membangunkan kawasan bekas tapak Penjara Pudu dengan penyertaan firma dari China juga ditangguhkan oleh Putrajaya ekoran tekanan daripada badan-badan pendesak Melayu.

Kedua-dua Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan timbalannya Tan Sri Muhyiddin Yassin mengulangi komitmen mereka terhadap agenda Bumiputera hujung minggu lalu.

Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan pada 1970 selepas rusuhan kaum setahun sebelum itu telah meletakkan sasaran ekuiti korporat Bumiputera sebanyak 30 peratus.

Bagaimanapun perangkaan rasmi menunjukkan selepas empat dekad tindakan afirmatif Bumiputera hanya memegang 21.9 peratus pegangan ekonomi.

Menurut Teraju, sebuah syarikat dianggap sebagai milik Bumiputera jika mempunyai 35 peratus atau 51 peratus pegangan masing-masing di syarikat persendirian dan disenaraikan.

Meskipun adanya tekanan daripada kumpulan-kumpulan pendesak yang mengugut pentadbiran Najib, yang berkomited untuk melakukan pembaharuan ekonomi, Husni berkata, "bertindak inklusif dalam menggalakkan pertumbuhan secara keseluruhan... perlu diambil kira jika anda mahu bergerak ke peringkat seterusnya."

Katanya, pendekatan "memperlahankan (projek) bukan perkataan yang betul untuk digunakan" berhubung garis panduan projek MRT.

"Kebanyakan projek tidak ditangguhkan tetapi projek-projek besar, anda kena laksanakan dengan betul. Jika anda tidak melaksanakan dengan betul, anda tidak boleh soal lagi selepas itu, di mana agenda Bumiputera?"

"Anda tidak boleh menghentikannya kemudian. Anda kena mengiktiraf kesemua elemen penting dan faktor-faktor sebelum anda melaksanakannya," katanya.

Kata Husni, bagi memastikan projek-projek ini dilaksanakan dengan lancar, Teraju mengadakan perundingan dengan pihak-pihak yang berkepentingan seperti Prasarana.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kelewatan-mrt-uda-perlu-demi-agenda-bumiputera-kata-teraju/>